

Tekankan aspek penyelidikan sawit

JAKARTA 1 Ogos - Malaysia mahu aspek penyelidikan lebih lanjut terhadap kegunaan minyak sawit diberi penekanan dalam Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan tidak terhad kepada soal pemasaran semata-mata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, penyelidikan terhadap kegunaan minyak sawit harus diperhebatkan lagi agar ia menjadi produk yang diterima di seluruh dunia.

"Malaysia dan Indonesia wajar merundingkan perkara ini dengan segera kerana ia adalah sumber komoditi yang sangat penting kepada kedua-dua negara," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Perundingan Tahunan ke-11 antara beliau dengan Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo di Istana Presiden di sini hari ini.

Kedua-dua negara merupakan negara pengeluar utama minyak sawit dunia dengan menyumbang 85 peratus daripada pengeluaran dunia dan 91.2 peratus eksport dunia.

Sementara itu, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dalam kenyataannya berkata, Malaysia dan Indonesia menyuarakan kebimbangan mengenai halangan bukan tarif yang dikenakan ke atas produk di

negara pengimport utama.

Menterinya, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Menteri Penyelaras Indonesia bagi Hal Ehwal Maritim, Luhut Pandjaitan dalam kenyataan bersama berkata, halangan itu termasuk perlabelan produk makanan dengan 'No-Palm Oil,' selain cadangan mengenakan cukai import yang tinggi ke atas produk sawit.

"Kedua-dua menteri bersetuju bahawa CPOPC akan mengetuai langkah bagi menangani isu-isu berkenaan termasuk mengatur delegasi peringkat menteri CPOPC ke Eropah," kata kenyataan itu.

Sementara itu, mesyuarat dua hala terbabit turut memperakukan kemajuan yang dicapai dalam mengoperasikan Sekretariat CPOPC hasil daripada pemeteraian Piagam mengenai penubuhannya.

Kedua-dua menteri bersetuju melantik Benny Wachjudi dari Indonesia sebagai pengarah eksekutif pertama CPOPC berkuat kuasa hari ini menerusi majlis menandatangani perjanjian Negara Tuan Rumah antara beliau dan kerajaan Indonesia.

Kedua-dua menteri juga menggesa CPOPC menyejajarkan pelan kerja dan aktiviti, termasuk mempelawa negara pengeluar yang lain menjadi anggota CPOPC. - UTUSAN